



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN MOHD YAZID BIN SAIRI S.I.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 9/2022**

28 SEPTEMBER 2022 | RABU

09:00 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri

Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.9/2022 bagi bulan September** pada pagi yang berbahagia ini.

1. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 1.1 Untuk makluman, sehingga 31 Ogos 2022, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa sebanyak RM 88.315 juta (83.08%) daripada RM 106.30 juta.
- 1.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.215 juta (77.68%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 8 juta.

2. TINDAKAN WARAN TAHANAN DAN SITAAN CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 MPS kini telah memulakan proses tindakan sitaan / rampasan harta alih bermula pada 1 Julai 2022, iaitu setelah tamat tempoh penghantaran waran tahanan. Sebanyak 2,651 waran tahanan akan dibuat tindakan sitaan setelah waran berjaya diserahkan sehingga 31 Ogos 2022.
- 2.2 Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di

dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.

- 2.3 Oleh itu, orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.

3. KEMPEN KUTIPAN BAGI KAWASAN KAMPUNG DAN RUMAH KOS RENDAH YANG DIKECUALIKAN CUKAI

- 3.1 Selain itu, MPS masih meneruskan kempen bayar tunggakan cukai taksiran bagi kawasan kampung dan rumah kos rendah yang mendapat pengecualian cukai.
- 3.2 Disini saya juga ingin memberi peringatan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan untuk membuat bayaran secara penuh bagi membolehkan anda mendapat pembatalan waran tahanan dan caj yang dikenakan sebanyak 100% sebelum 31 Disember ini.

4. **PROGRAM SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT (SIBS) 2022 BAGI PROGRAM SELANGOR INDUSTRIAL PARK EXPO (SPARK) DAN SELANGOR SMART CITY & DIGITAL ECONOMY CONVENTION (SDEC)**

- 4.1. Saya juga ingin memaklumkan pada 6 hingga 9 Oktober 2022 ini, MPS akan menyertai pameran Program Selangor Industrial Park Expo **(SPARK)** dan Selangor Smart City & Digital Economy Convention **(SDEC)** di Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur.
- 4.2 Program anjuran Invest Selangor ini diadakan adalah bertujuan untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai hub perdagangan global di rantau Asia di samping dijadikan sebagai platform syarikat tempatan dan asing untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan serta peluang kepada syarikat untuk menarik pelabur-pelabur yang berpotensi.
- 4.3 Untuk makluman semua, MPS telahpun bersama-sama dalam program ini sejak tahun 2016 lagi. Melalui program SIBS ini, MPS berpeluang untuk mempromosikan kawasan pentadbiran MPS bagi menarik pelabur yang berpotensi untuk melabur di kawasan pentadbiran Selayang.

- 4.4 Disamping itu, MPS juga akan menyertai dan menjayakan program Smart City & Digital Economy Convention (SDEC) untuk booth pameran bersama-sama pihak Invest Selangor dan pihak SDEC Selangor.

5. PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN SECARA DIGITAL

- 5.1 Untuk makluman, semua pemegang lesen premis perniagaan boleh membuat pembaharuan dan pembayaran lesen perniagaan masing-masing secara dalam talian. Pemegang lesen perniagaan juga perlu mengemaskini maklumat masing-masing di lesendigital.mps.gov.my dan seterusnya membuat pembayaran di MyMPS serta boleh mencetak sendiri lesen perniagaan mereka tanpa perlu lagi hadir ke MPS. Inisiatif MPS ini adalah untuk memudahkan proses pembaharuan lesen dibuat secara dalam talian tanpa perlu berurusan secara fizikal di kaunter.
- 5.2 Walaubagaimanapun, bagi pemegang lesen minuman keras/arak, visual/billboard, Kilang Tanpa Kebenaran (KTK), rumahurut/ refleksologi, pusat siber/ kafe siber, hotel, barang lusuh dan kuari, proses bayaran perlu dibuat melalui MyMPS dan mereka perlu hadir ke Jabatan Pelesenan MPS untuk mengambil lesen perniagaan mereka.

5.3 Jadi, saya harap agar semua Ahli Majlis kawasan dapat memaklumkan kepada semua pemilik premis perniagaan kawasan masing-masing untuk membuat bayaran pembaharuan lesen perniagaan masing-masing sebelum tempoh 31 Disember 2022 untuk mengelakkan caj fi proses lewat sebanyak 10% daripada jumlah aktiviti lesen dikenakan kepada mereka.

6. PERTANDINGAN TANDAS BERSIH KATEGORI SEKOLAH KERAJAAN DAN STESEN MINYAK PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2022

6.1 Untuk makluman, Pertandingan Tandas Bersih Premis Makanan Kategori Sekolah dan Stesen Minyak yang dilaksanakan pada tahun ini adalah rentetan daripada penganjuran program yang sama pada tahun 2021 bagi Kategori Premis Makanan.

6.2 Penganjuran ini diperluaskan penyertaan bagi kategori Tandas Sekolah Kerajaan dan Tandas Stesen Minyak pada tahun 2022. Pertandingan ini ialah salah satu usaha membudayakan penjagaan tandas bersih, selamat dan selesa di lokasi-lokasi tumpuan awam. Tarikh akhir penyertaan adalah pada 30 September 2022.

7. KEMPEN PEMBAYARAN KOMPAUN MPS 2022

- 7.1 Saya juga ingin memaklumkan sempena Sambutan MPS yang ke-25 tahun, MPS telah melaksanakan kempen pembayaran kompaun dengan tawaran pengurangan sehingga 70% bagi kompaun Akta dan Undang-Undang Kecil dan tawaran sebanyak RM10.00 bagi setiap keping kompaun Tempat Letak Kereta (TLK) berbayar kepada pemilik-pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak.
- 7.2 Tempoh kempen ini telah dilaksanakan bermula 31 Julai 2022 dan akan berakhir pada **15 Oktober 2022** ini. Jadi, orang ramai boleh merebut peluang ini dengan datang ke kaunter bayaran di Lobi Menara MPS, kaunter bergerak MPS yang akan berada di kawasan yang terpilih, myMPS dan melalui aplikasi Flexi Parking dan Smart Selangor Parking untuk membuat bayaran.
- 7.3 Saya menyeru kepada semua yang masih mempunyai kompaun tertunggak untuk mengambil peluang ini bagi menjelaskan kompaun untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

8. INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN 2022

- 8.1 MPS menganjurkan program saringan kesihatan di bawah Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 untuk kakitangan MPS yang berumur 40 tahun dan ke atas pada 28 dan 29 September 2022 bertempat di Lobi Menara MPS bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.
- 8.2 Diharapkan dengan adanya inisiatif ini kakitangan akan lebih sedar, peka dan tahu tentang penjagaan kesihatan secara seluruhnya.

9. UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT MAULIDUR RASUL

- 9.1 Di sini saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Maulidur Rasul yang akan disambut pada 9 Oktober 2022 ini. Sambutan Maulidur Rasul ini adalah bagi memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. selain dapat mengingati perjuangan Rasulullah S.A.W. Sebagai umat Islam, kita hendaklah menjadikan Rasulullah S.A.W. sebagai Uswatun Hasanah dalam kehidupan kita.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh